

Gallus gallus domesticus and Paradoxurus hermaphroditus in Malay Proverbs: Semantic Inquisitive Analysis

Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

Muhammad Zaid Daud*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: 17020194@siswa.unimas.my

Article history: Received: 3 August 2017 Received in revised form: 22 November 2017 Accepted: 31 January 2018 Published online: 30 April 2018

Abstract

The use of lexical chicken (*Gallus Gallus domesticus*) as an object and fox (*Paradoxurus hermaphroditus*) as an image in Malay proverbs has shown that the Malay community in the past has assimilated with the environment around them in everyday life. The attitude of the animal has been linked to the attitude or behavior of humans and can be seen through the literal meaning of the proverbs. This study will show the lexical choice of chicken and fox in Malay proverbs from the semantic inquisitive perspective by Nor Hashimah Jalaluddin (2014). This qualitative study will use the *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (2016) by Abdullah Hussain as the source of Malay proverbs data. A total of five Malay proverbs lexical associations with chicken and fox have been detected in the dictionary. Next, a cross-referencing approach which will be based on corpus data at the *Pangkalan Korpus Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)* and the Malay Concordance Project (MCP) will be carried out. Such an analysis is able to elaborate the meaning of a Malay proverb into the mind of the speaker.

Keywords: chicken (*Gallus Gallus domesticus*); fox (*Paradoxurus hermaphroditus*); Malay proverbs; semantic inquisitive; Malay mind

Abstrak

Penggunaan leksikal ayam (*Gallus gallus domesticus*) sebagai objek dan musang (*Paradoxurus hermaphroditus*) sebagai imej dalam peribahasa Melayu telah memperkenalkan bahawasannya masyarakat Melayu pada zaman dahulu telah mengasimilasikan kejadian di alam sekeliling mereka dengan kehidupan sehari-hari. Jelmaan sikap haiwan tersebut telah dikiaskan dengan sikap atau kelakuan manusia ini dapat dilihat melalui makna harfiah peribahasa tersebut. Kajian ini akan mencungkil sebab pemilihan leksikal ayam dan musang dalam peribahasa Melayu melalui perseptif semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Kajian berbentuk kualitatif ini akan menggunakan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (2016) susunan Abdullah Hussain sebagai pengumpulan data peribahasa Melayu. Sejumlah lima peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan leksikal ayam dan musang telah dikesan dalam kamus ini. Seterusnya, pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang berpandukan data korpus di Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Malay Concordance Project (MCP)* dilakukan. Analisis seperti ini mampu menghuraikan makna peribahasa Melayu tersebut sehingga ke akal budi penuturnya.

Kata kunci: ayam (*Gallus gallus domesticus*); musang (*Paradoxurus hermaphroditus*); peribahasa Melayu; semantik inkuisitif; akal budi Melayu

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENGENALAN

Secara umumnya, semantik merupakan bidang yang mengkaji makna sesuatu bahasa. Oleh sebab makna adalah sebahagian daripada bahasa, maka semantik juga merupakan sebahagian daripada linguistik (Palmer, 1989). Kata semantik yang berasal dari bahasa Yunani iaitu *sema* yang bermaksud tanda atau lambang. Terdiri daripada kata kerjanya iaitu *semaino* bermaksud menandai atau melambangkan. Berdasarkan Ferdinand de Saussure, dalam buku *Cours de Linguistique Generale* (1959), beliau telah mengemukakan tanda linguistik (*signé linguistique*) di bentuk daripada dua komponen yang saling berhubung iaitu makna (*signifié*) dan bentuk (*signifiant*). *Signifié* ialah pengertian atau kesan makna yang ada dalam fikiran kita manakala *signifiant* ialah bunyi-bunyi bahasa yang wujud dalam bentuk urutan fonem-fonem tertentu. Makna dan bentuk sebagai tanda linguistik biasanya akan merujuk kepada satu rujukan (*referent*) atau objek yang berada di alam nyata sebagai sesuatu yang ditandai.

Merujuk Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006) pula, semantik bukan sahaja mengkaji makna sesuatu perkataan, frasa dan ayat tetapi juga mencari cara untuk menerangkan makna sesuatu perkataan, frasa dan ayat. Beliau turut menyatakan semantik melibatkan kajian seperti peranan semantik, makna dan rujukan, syarat benar dan analisis wacana. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa pengkaji perlu mempertimbangkan aspek-aspek seperti kebudayaan, konteks, perkataan atau ayat yang diujarkan atau digunakan, aspek-aspek psikologi penutur, alam pemikirannya, hubungan sosial antara penutur dan pendengar, tajuk perbincangan dan sebagainya. Semantik mempunyai